

**Pemuda Umno Mulakan 'Kempen' Dengan Taklimat Jentera Pilihan Raya Pada Sabtu**  
**mStar Online**  
**Januari 14, 2012**  
**Oleh ROZAID A. RAHMAN**

**PETALING JAYA:** Pergerakan Pemuda Umno Malaysia akan mengadakan satu taklimat khas kepada jentera pilihan raya umumnya di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) pada petang Sabtu, 14 Januari.

Taklimat yang akan diberikan oleh Ketua pergerakan tersebut, Khairy Jamaluddin di Dewan Tun Hussein Onn itu dijadualkan bermula tepat jam 6 petang.

Adalah difahamkan, semua wakil Pemuda Umno Bahagian termasuk dari Sabah akan hadir pada taklimat tersebut.

Antara lain, mStar Online difahamkan bahawa Khairy akan memberi gambaran awal apakah yang perlu dilakukan oleh jentera pilihan raya bahagian sekiranya parlimen dibubarkan sebelum Jun ini dan apa pula opsiyen yang perlu pemuda ambil seandainya pilihan raya umum jatuh pada November atau hujung tahun ini.

Pergerakan Pemuda yang secara tradisinya dipertanggungjawabkan untuk mengawal selia strategi pemasangan poster, ceramah dan keselamatan jentera akan turut memperkatakan tentang persediaan bahagian sekiranya terdapat di kalangan mereka yang terpilih sebagai calon.

Opsiyen persiapan ketiga ialah langkah-langkah yang perlu diambil sekiranya pilihan raya tidak jadi diadakan pada tahun ini.

Adalah dijangkakan antara 25 hingga 40 peratus calon pilihan raya umum akan datang bakal dipilih dari kalangan anggota-anggota Pergerakan Pemuda dan Wanita Umno.

Hakcipta Terpelihara © 1995-2012 Star Publications (Malaysia) Bhd

Source:

[http://mstar.com.my/berita/cerita.asp?file=/2012/1/14/mstar\\_berita/20120113165923&sec=mstar\\_berita](http://mstar.com.my/berita/cerita.asp?file=/2012/1/14/mstar_berita/20120113165923&sec=mstar_berita)